

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 11/7/2016

Muka surat: m7

Tajuk : Unimas agih bubur lambuk kepada kakitangan

# Unimas agih bubur lambuk kepada kakitangan

**SEBANYAK** lapan ratus bekas berisi bubur lambuk telah dimasak dan seterusnya diagih-agihkan kepada warga Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), di hadapan bangunan Canselori, Kota Samarahan, baru-baru ini

Pengagihan bubur lambuk tersebut merupakan aktiviti tahunan Pejabat Pendaftar Unimas dan merupakan sumbangan dari Bank Rakyat dan Agrobank.

Turut diadakan sempena dengan majlis tersebut ialah penyerahan barangan keperluan dipanggil 'Kasih Ramadan' kepada enam belas penerima dari keluarga kurang berkemampuan sekitar Kota Samarahan.

Pengagihan bubur lambuk dan penyerahan barangan keperluan tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor Unimas, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Antara barangan dapur yang diserahkan ialah beras, susu, biskut, kopi, teh, gula, air kordial, gula dan minyak masak. Diharap dengan sumbangan tersebut, ia mampu membantu isi rumah yang memerlukan dengan makanan dan barangan keperluan dalam semangat Ramadan.

Menurut Pendaftar Unimas, Haji Abu Bakar Ibrahim, Program Kasih Ramadan

dan Bubur Lambuk Pejabat Pendaftar Unimas adalah sebahagian daripada program tanggungjawab korporat Pejabat Pendaftar untuk berbakti kepada komuniti dan menambatkan keseronokan dalam

meraikan sambutan istimewa bulan Ramadan.

Selain itu, program berkenaan lihat dapat mengeratkan silaturahim dan kerjasama dalam kalangan warga Unimas dan pihak luar.

**SERAH...** Profesor Kadim (tiga dari kanan) menyerahkan sumbangan barangan keperluan kepada salah seorang keluarga yang kurang berkemampuan.



**STAF** Unimas bergotong-royong mengisi bubur lambuk ke dalam bekas untuk diagihkan kepada warga Unimas.